

Status Hadith dalam Risalah Tarekat Naqshabandiyah Karya Sheikh Yahya

Mamnun Barizi Abdul Kafi¹ & Mohd Akil Muhammed Ali²

Email: ¹barizimamnun@gmail.com & ²akil@ukm.edu.my

¹Calon sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

²Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

Abstrak

Kitab jawi tentang tasawuf dan tarekat yang bertajuk Risalah Tarekat *Naqshabandiyah* Jalan Makrifat ialah kitab yang ditulis oleh Sheikh Yahya bin Laksaman al-Khalidi (1910-1989 M), seorang guru mursyid tarekat *Naqshabandiyah* daripada Sumatera. Artikel ini telah meneliti 17 hadith tentang zikrullah yang terdapat dalam siri pertama risalah tersebut. Kajian dibuat bagi mengenal pasti sumber pengambilan hadith, sanad dan hukumnya. Juga menganalisis peratusan hadith yang diterima dan boleh digunakan sebagai motivasi untuk beramal, dan peratusan hadith yang ditolak. Kaedah takhrij telah digunakan bagi mengenal pasti hadith, iaitu dengan cara mencari daripada sumber yang berasal daripada *masadir al-asliyyah* dan *masadir ghayir al-asliyyah* dengan bantuan laman-laman sesawang aplikasi carian hadith. Metode analisis yang digunakan ialah metode analisis kandungan dan mengambil reka bentuk kajian kualitatif. Kajian mendapati, daripada 17 hadith yang diteliti tiga hadith di antaranya berstatus *sahih* (17.64%), tiga *hasan li dhatih* (17.64%), satu *hasan li ghayrih* (5.88%), tujuh hadith *daif* (41.17%), dua *mawdu* (11.76%), dan satu hadith yang tidak dikesan sumbernya (5.88%). Kajian juga mendapati 14 hadith diterima (82.35%) dan tiga hadith ditolak (17.64%).

Kata-kata kunci: *status, hadith, tarekat, naqshabandiyah*

The Status of Hadith in the Risalah Tarekat Naqshabandiyah by Sheikh Yahya

Abstract

A *Jawi* book regarding *tasawuf* and *tarekat* entitled Risalah Tarekat Naqshabandiyah Jalan Makrifat is a book written by Sheikh Yahya bin Laksaman al-Khalidi (1910-1989 M), a tarekat *Naqshabandiyah* preceptor from Sumatera. This article examined 17 hadith about *zikrullah* which was written in the first series of the book. The study was conducted to determine the source of the hadith, sanad, and its law. Moreover, the study analyzed the percentage of the acceptable hadith that could be used as the guidance in practice and the percentage of the rejected ones. *Takhrij* method was used to identify the hadith, by searching for the source in *masadir al-asliyyah* and *masadir ghayir al-asliyyah* with hadith search application website assistance. The analysis method used was content analysis method and qualitative research design. Based on the study, from 17 hadith studied, three of them are *sahih* which is (17.64%), three are *hasan li dhatih* (17.64%), one is *hasan li ghayrih* (5.88%), seven are hadith *daif* (41.17%), two are *mawdu* (11.76%), and there is one hadith with undetected source (5.88%). Furthermore, the study discovered 14 accepted hadith (82.35%) and three rejected hadith (17.64%).

Key words: *status, hadith, tarekat, naqshbandiyah*.

1. Pengenalan

Dalam kitab-kitab jawi seringkali didapati hadith-hadith yang dipaparkan tidak dinyatakan kedudukannya. Hadith-hadithnya tidak ditakhrij, tidak dinyatakan hukum dan sanadnya. Tidak terkecuali kitab-kitab jawi yang berkaitan dengan ilmu tarekat dan tasawuf yang ditulis oleh guru-guru tarekat di wilayah Nusantara. Justeru itu, ramai dalam kalangan umat Islam yang mempersoalkan hadith-hadith yang dipaparkan dalam kitab tasawuf berbahasa jawi, daripada mana sumber pengambilannya, sanad dan hukumnya. Jika dibiarkan tanpa ada usaha untuk meneliti hadith-hadithnya, ditakuti kitab-kitab tersebut akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam. Artikel ini akan meneliti kedudukan hadith dalam kitab Risalah Tarekat *Naqshabandiyah* karya Sheikh Yahya daripada mana sumber pengambilan hadith-hadith tersebut, sanad dan hukumnya. Kajian juga akan meneliti hadith yang diterima sebagai keutamaan beramal dan hadith yang ditolak.

2. Metodologi Kajian

Pengkaji akan meneliti kandungan hadith yang dipaparkan pengarang risalah ini, menjelaki hadith dari sumber asalnya dan menganalisisnya, sehingga mengenal pasti sanad dan hukumnya. Kaedah *takhrij* akan digunakan dalam menjelaki hadith dari sumber asalnya. Kaedah *takhrij* yang digunakan adalah dengan mencari dalam *masadir al-asliyyah* dan *masadir ghayr al-asliyyah* dengan dibantu oleh aplikasi perisian komputer dengan menggunakan laman sesawang “dorar.net”, “islamweb”, dan “islam.com” untuk mendapat gambaran sumber dan status setiap *hadith*. Setelah mendapat gambaran sumber dan status, kajian akan memastikan kesahan maklumat dengan merujuk kepada sumber yang dinyatakan dalam laman-laman sesawang tersebut. Dalam menganalisis data yang diperolehi pengkaji akan menggunakan pendekatan deskriptif, sehingga memperoleh peratusan hasil kajian.

Artikel ini akan melibatkan kajian 17 hadith daripada 248 hadith keseluruhan yang terdapat dalam Risalah tarekat. Pengkaji memilih hadith-hadith bab zikir yang terdapat dalam siri pertama risalah tersebut. Hal ini disebabkan hadith-hadith tentang zikir seringkali dipertikaikan statusnya oleh golongan tertentu.

Dalam mengkaji, penulis akan menggunakan langkah-langkah seperti berikut:

1. Menyalin hadith seperti mana tertulis dalam Risalah tanpa ada menambah dan mengurangkan, tanpa sanad dan tanpa terjemah.
2. Takhrij hadith. Dalam proses ini penulis berusaha untuk mengenal pasti sumber asal hadith dan sanad hadith. Sekiranya sesebuah hadith mempunyai banyak sanad, penulis hanya akan memaparkan satu sanad yang terpilih sahaja.
3. Menghukum hadith. Dalam proses ini penulis akan berpandukan pandangan ulamak. Hanya pandangan majoriti sahaja yang akan penulis paparkan, yang mana pandangan itu akan membawa kepada hukum hadith yang akan diambil. Jika hadith itu berasal dari Sahih Bukhari atau Muslim penulis akan menghukum hadith itu *sahih* tanpa menyatakan sebabnya. Dan jika selain hadith yang *sahih* penulis akan menyatakan sebab-sebabnya. Hukum-hukum hadith yang akan dinyatakan di sini ialah *sahih*, *hasan li dhatih*, *hasan lighayrih*, *daif*, *daif jiddan*, *mawdu*, dan hadith yang tidak dapat dikesan dalam kitab hadith yang muktabar. Tiada hadith yang dihukum selain hukum yang dinyatakan tadi.

3. Sheikh Yahya dan Karyanya Risalah Tarekat *Naqshabandiyah*

Nama sebenar Sheikh ialah Sheikh Yahya bin Laksaman bin Hj. Muhammad *al-Naqshabandi al-Khalidi*. Nama *al-Khalidi* dibangsakan kepada tarekat *Naqshabandiyah al-Khalidiyah*. Dilahirkan pada 12 Rejab 1328 Hijrah jam 11 pagi bersamaan dengan 12 Julai 1910 M di kampung Muara Rumbai Rambah Sumatera. Beliau meninggal pada tahun 1989 M dalam usia 79 tahun (Sheikh Yahya 1971).

Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu di tempat kelahirannya, dan tamat pada tahun 1924 (Sheikh Yahya 1971). Kemudian, beliau mengambil baiah tarekat *Naqshabandiyah al-Khalidiyah* dengan Sheikh Muhammad Nor *al-Sumatrani* iaitu salah seorang murid Sheikh Abdul Wahab Basilam, semasa beliau berumur 17 tahun lagi iaitu pada tahun 1927. Selain mengambil baiah tarekat *Naqshabandiyah*, beliau juga belajar di pondok *Makkiyyah Dar al-Ulum al-Islamiyyah* yang terletak di kampung Kota Tengah, Kecamatan Kapanuhan (Sheikh Yahya 1971). Meneruskan pengajian pondok di Benut Payung, Kelantan pada tahun 1935 semasa berumur 25 tahun (Sheikh Yahya 1994).

Mula bergiat aktif mengembangkan tarekat *Naqshabandiyah* pada tahun 1945 iaitu sejak ketibaan Sheikh Yahya kali kedua di Tanah Melayu. Kali ini beliau tiba di kampung Gebok Negeri Sembilan, di situ beliau mendirikan rumah tangga dan mula mengembangkan ilmu tarekat (Sheikh Yahya 1994). Berpindah randah dari satu kawasan ke kawasan yang lain, akhirnya pada tahun 1979 berpindah ke kampung batu 18 jalan Semenyih yang kini dikenali sebagai Kampung *Naqshabandiyah*. Di situ juga beliau mendirikan pusat tarekat dan madrasah suluk.

Sheikh Yahya menulis lapan buah buku yang kesemuanya ditulis jawi dan isi kandungannya berkaitan tarekat dan tasawuf. Hasil karya beliau tersebut ialah Risalah Tarekat *Naqshabandiyah* Jalan Makrifat, *al-Tariqah al-Ilahiyyah*, *Mir'ah al-Salikin*, iaitu risalah tentang Israk dan Mikraj Nabi SAW dari sudut pandang tasawuf, *I'an al-Matum*, iaitu satu risalah yang menyatakan segala amalan tarekat *Naqshabandiyah al-Khalidiyah*. *Mir'ah al-Awam*, risalah tentang ilmu usuluddin dan tasawuf. *Madhhab al-Yaqin fi Mawlid al-Nabiyy al-Akhiran*, risalah tentang keputeraan Nabi SAW dari sudut pandang tasawuf, *Lisan al-Naqshabandiyah*, risalah untuk membanteras risalah bagi Sheikh Ahmad Khatib, dan terjemah kitab *Futuhat al-Makkiyyah*, karya Sheikh Ibn al-‘Arabi (Sheikh Yahya 1985). Karya terbesar Sheikh Yahya adalah Risalah

Tarekat *Naqshabandiyah* Jalan Makrifat. Kitab risalah yang terdiri dari enam siri dan telah dicetak sebanyak enam kali itu ialah risalah yang dijadikan sebagai garis panduan utama kepada murid-murid Sheikh Yahya dalam belajar dan mengamalkan ilmu tarekat.

4. Status Hadith dalam Risalah

Maksud status dalam kajian ini ialah pengkaji akan mengenal pasti sumber asal hadith, sanad, perawi nya dan menganalisis nilainya. Setiap hadith yang diteliti akan dijejaki daripada mana sumber asalnya, sanadnya, siapa perawi nya dan apa hukumnya. Siri pertama kitab risalah bab zikrullah mengandungi 17 hadith. Hadith-hadith itu ialah:

HADITH PERTAMA:

بِاَبَنْ آدَمْ ! إِنْ ذَكْرَتِي فِي نَفْسِكَ ذَكْرُكَ فِي نَفْسِي ، وَإِنْ ذَكْرَتِي فِي مَلَأِ ذَكْرُكَ فِي مَلَأٍ خَيْرٍ مِّنْهُمْ ، وَإِنْ دَنَوْتُ مَيْ شِرْبًا دَنَوْتُ مَنْكَ ذَرَاعًا ، وَإِنْ دَنَوْتُ مَيْ ذَرَاعًا ، دَنَوْتُ مَنْكَ باعًا ، وَإِنْ أَتَيْتُنِي تَمْشِي ، أَتَيْتُ إِلَيْكَ أَهْرُولٌ .

Takhrij hadith: Hadith tersebut diriwayatkan oleh Imam Bukhari dengan sanad daripada Umar bin Hafs, daripada ayahnya, daripada al-Amash, daripada Abu Salih daripada Abu Hurayrah (*Sahih al-Bukhari*, Kitab *Tawhid* 24/246 h 7405).

Hukum hadith: Sahih.

Ulamak hadith sepakat bahawa hadith yang sumber asalnya daripada kitab *Sahih Bukhari* adalah *sahih*.

HADITH KEDUA:

الذِّكْرُ الَّذِي لَا تَسْمَعُهُ الْحَفْظَةُ يَضَعُفُ عَلَى الذِّكْرِ الَّذِي تَسْمَعُهُ الْحَفْظَةُ بِسَبْعِينَ ضَعْفًا .

Takhrij hadith:

Hadith diriwayatkan oleh Ibn Abi Zamnin daripada Yahya, daripada Abd Allah bin Lahi'ah, daripada Khalid bin Yazid, daripada Said bin Abi Hilal, daripada Aishah RA, daripada Nabi SAW (*Riyadh al-Jannah*, Ibn Zamnin.h 146.h 75)

Hukum hadith: Sanadnya daif.

Menurut Abu Abd Allah al-Andalusi *daif* dari segi sanad. Ini kerana Said bin Abi Hilal al-Laythi tidak bertemu dengan Aishah RA (*Riyadh al-Jannah*, Ibn Zamnin.h 146.h 75). Kesimpulannya hadith di atas adalah *daif*, kerana Said bin Abi Halal tidak bertemu dengan Aishah RA.

HADITH KETIGA:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ .

Takhrij hadith:

Al-Shakhawi berkata, tidak dapat dikesan dalam mana-mana kitab hadith dan tiada yang mengatakan yang hadith itu *marfu* sampai kepada Nabi SAW, hanya bersumber daripada Yahya bin Muadh, dan itu adalah perkataan dia sendiri (*al-Maqasid al-Hasanah* 1:220). Sementara itu al-Ajluni juga berkata, telah berkata al-Ghars setelah menukil perkataan al-Nawawi bahawa nukilan tersebut tidak *thabit* dalam hadith, tetapi ulamak sufi meriwayatkan sebagai hadith seperti al-Shaykh Muhyiddin Ibn Arabi . Dia berkata bagi kami ini adalah hadith, walaupun tidak sah dari jalan riwayat, tetapi sah dari jalan *kashshaf* (*Khashaf al-Khafa* 2/262/ 2532). Riwayat di atas banyak disebutkan dalam kitab-kitab tasawuf antaranya Siyar al-Salikin (Abd al-Şamad al-Falimbani 2015, 3: hlm 9). Imam Nawawi berkata sesungguhnya perkataan ini tidak dikenali sebagai perkataan Nabi SAW (Ittihaf Sadat al-Muttaqin 8:366).

Hukum Hadith:

Tidak dapat dikesan dalam mana-mana kitab hadith yang muktabar dan tiada yang mengatakan ianya *marfu*. Ini kerana perkataan ini tidak dikenali sebagai hadith Nabi SAW.

HADITH KEEMPAT:

عليکم يذكر ربکم ، وصلوا صلاتکم في أول وقتکم ، فإنَّ الله يضاعفُ لكم الأجر

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabarani daripada Hajjaj bin Imran al-Sadusi daripada Sulaiyman bin Dawud al-Munqari daripada Uthman bin Umar daripada al-Nihhas bin Qahm dan Muhammad bin Said daripada Abu Shaykh al-Hana'i berkata: berkata kepadaku lelaki daripada Abd al-Qaiys yang bernama Iyad bin zayd sesungguhnya dia telah mendengar Nabi SAW bersabda, kemudian dia menyebut hadith nya (al-Tabarani, *al-Mu'jam al-Kabir*, 7/369/ 14699).

Hukum hadith: *Daif*.

Al-Mundhiri berkata bahawa hadith ini tidak mencapai ke tahap hasan (*al-Targhib wa al-Tarhib*, m80/168). Menurut al-Baghawi dalam sanad ada seseorang yang tidak dikenali, iaitu Sulayman bin Dawud al-Munqari yang disifatkan sebagai sangat lemah (*al-Isabah*, Ibn Hajar, m 1164/6915). Al-Haythami berkata dalam sanad ada al-Nihhas bin Qahm yang disifatkan sebagai lemah (*Majma al-Zawa'id* 17/369/14699). Hukum hadith nya adalah *daif*, merujuk kepada perkataan al-Albani (*daif al-Jami* m 552 h 3781). Kesimpulannya ialah bahawa hadith tersebut *daif*, kerana ada dua orang perawi yang disifatkan sebagai lemah iaitu Sulayman dan al-Nihhas.

HADITH KELIMA:

عليك بنتقى الله ما استطعتِ وادعْهُ الله عند كل حجَّ وشَحْرٍ

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tabarani daripada Ahmad bin Amr al-Khallal daripada Yaqub bin Hamid daripada Anas bin Iyad dan Abd Aziz bin Muhammad daripada Sharik bin Abd Allah bin Abi Namr daripada Ata bin Yasar daripada Muadh bin Jabal berkata: Ya Rasulallah, sudilah kiranya tuan berwasiat kepadaku, lalu Rasulullah SAW bersabda seumpama hadith di atas (*al-Mujam al-Kabir*, al-Tabarani, 20/59/ h 331).

Hukum hadith: *Hasan Li ghayrih*.

Walaupun al-Albani mengatakan hadith ini *daif* (*daif al-Jami* 3747), tetapi ada *shawahid* yang mengatakan bahawa hukum hadith adalah hasan, hasan li ghayrih, dan bahkan ada yang mengatakan *sahih*. Contohnya: al-Haythami dalam *Majma* mengatakan hadith ini sanadnya *hasan* (*Majma* 10/74). Menurut al-Sayuti pula, dia mengatakan hadith ini *sahih* (*al-Jami al-Saghir*, 5478). Al-Albani berkata *hasan li ghayrih* (*Sahih al-Targhib*, 3 h 122 no3144). Kesimpulannya hadith di atas adalah *hasan li ghayrih*. Kerana ada *shawahid* yang lebih tinggi martabatnya.

HADITH KEENAM:

أعظم الناس درجة الذاكرون الله.

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi daripada Abu al-Hasan Muhammad bin Abi al-Maruf al-Faqih daripada Abu Bakr Ahmad bin Jafar bin Hamdan al-Qati'i daripada Abu Ali Bashar bin Musa daripada Abu Zakariya Yahya bin Ishaq daripada Abu Luhay'ah daripada Darraj daripada Abi al-Samh daripada Abi al-Haytham daripada Abu Said al-Khudri (*al-Bayhaqi*, *Shab al-Iman* 1/419/589) berkata dengan lafaz:

قيل يا رسول الله أي الناس أعظم درجة؟ قال الذاكرون الله.

Adapun al-Sayūṭī meriwayatkan dengan lafaz: (al-) أَعْظَمُ النَّاسِ دَرْجَةً الْذَّاكِرُونَ اللَّهَ (al-Sayuti, *Jami al-Ahadith*: 5/95/3798).

Hukum hadith: *Daif*.

al-Tirmidhi, Abu Yala, dan al-Baghawi berkata hadith ini *marfu*. Tetapi setelah diteliti, majoriti ulama memberi *jarh* sebagai *daif* kepada Ibn Luhay'ah, Daripada 36 orang ulama hanya seorang ulama sahaja yang memberi *ta'wil* kepadanya iaitu Ibn Shahin. Tentang Darraj pula kebanyakan ulama mengatakan *saduq* (diperlakukan), tetapi menurut Abu Dawud al-Sijistani hadith-hadithnya bermasalah terutama yang datang daripada Abu al-

Haytham. al-Albani berkata sanad hadith ini *daif*, kerana Darraj Abu al-Samh adalah *munkar al-hadith* terutama yang datang daripada Abu al-Haytham, juga Ibn Luhayah disifatkan sebagai *daif*. (*al-Silsilah al-daifah*, 7612).

HADITH KETUJUH:

أَكْثُرُوا ذِكْرَ اللَّهِ حَتَّى يُعَالَجُوكُمْ مُجْنِونٌ.

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Hibban dengan sanad daripada Umar bin Muhammad al-Hamdani berkata: telah berkata Abu Tahir daripada Ibn Wahhab, daripada Amr bin al-Harith, sesungguhnya Aba al-Samh telah berkata daripada Abu al-Haytham daripada Said al-Khudhri, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: kemudian disebut hadith nya (Sahih Ibn Hibban, *Kitab Raqa'iq bab al-Adzkar* 824).

Hukum hadith: *Hasan li dhatih*.

Majoriti ulamak hadith mengatakan hadith ini *hasan*, antaranya ialah: al-Hakim hadith ini sanadnya *hasan*, *rijal* nya *thiqat*, hanya Abd Allah bin al-Samh al-Sahmi sahaja yang dia adalah *Saduq*, lagi *hasan* hadith nya (*al-Mustadrak ala al-sahihaiyn*, 1: 4991772).

HADITH KELAPAN:

اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا حَتَّى يُغُلُّ الْمُتَوَفِّقُونَ أَنْكُمْ مُرَاوِّهُونَ.

Takhrij hadith:

Ahmad bin Hanbal meriwayatkan daripada Abd Allah, daripada Dawud bin Rushayd al-Khuwarizmi daripada Ibn al-Mubarak daripada Said bin Zayd, daripada Amr bin Malik, daripada Abi al-jawza' berkata: Rasulullah SAW bersabda, kemudian dia menyebut hadith nya (*al-Zuhd*, 247).

Hukum hadith: *Daif*.

Penelitian ke atas hadith ini mendapati bahawa hadith ini *daif*. Hal ini kerana di dalamnya ada tempat *mursal*, dan di dalamnya ada Amr bin Malik al-Nakri yang dikatakan *daif al-hadith*. Al-Albani berkata, hadith ini sanadnya *daif* kerana *mursalnya*, dan juga kerana kelamahan Said bin Zaiyd (*al-daifah*, jld 2 hlm 93, no 516). Kesimpulannya hadith di atas adalah *daif*.

HADITH KESEMBILAN:

"مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ مِنْ عَمَلٍ أَنْجَى لَهُ مِنَ النَّارِ مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ " ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَلَا إِجْهَادٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، قَالَ : " وَلَا إِجْهَادٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِلَّا أَنْ تَضْرِبَ بِسَبِيلِكَ حَتَّى يَنْقَطِعَ ، ثُمَّ تَضْرِبَ بِهِ حَتَّى يَنْقَطِعَ " ، قَالُوكُمْ ثَلَاثًا.

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Abd bin Humayd, daripada Ibn Abi Shaybah, daripada Abu Khalid al-Ahmar, daripada Yahya bin Said, daripada Abu Zubayr, daripada Tawus, daripada Muadh berkata: telah bersabda Rasulullah SAW, kemudian menyebutkan hadith nya (*Musnad Abd bin Humayd, Muadz bin Jabal*, 128).

Hukum hadith: *Hasan li dhatih*.

Kajian ke atas hadith ini mendapati bahawa secara majoriti ulamak hadith mengatakan hadith *hasan*. Ini disebabkan mereka berpendapat bahawa antara Muadh dengan seorang perawi sebelumnya *muttaṣil*, seperti Ibn Abd al-Barr (*al-Iṣtidhkar* 272), al-Busayri (*Ittiḥaf* 5561/ 8101), Ibn Abi Shaybah (*al-Muṣannaf* 28882/29943), al-Tabarani (*al-Mu'jam al-Kabir* 352/16800), dan al-Daqqaq (*Fawā'id* 189/180).

HADITH KESEPULUH:

إِنَّ جَلِيلَهُ مِنْ ذِكْرِي.

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Abi Husayn al-Kilabi, daripada Abd Allah, menyampaikan kepada kami Yusuf daripada Sufyan al-Thawri, daripada Ata' bin Abi Marwan daripada bapanya berkata: telah berkata Musa bin Imran (*Aḥadīth Abī al-Ḥusayn al-Kilābī*, 24) dengan lafaz:

يَا رَبِّ قَرِيبٌ فَأَنْجِيكَ أَمْ يَعْيِدُ أَنْتَ فَأُنْدِيكَ؟ قَالَ : فَأَوْحَى اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَيْهِ : " يَا مُوسَى أَنَا جَلِيسُ مَنْ ذَكَرْتِي " . قَالَ : يَا رَبِّ إِنَّا نَكُونُ فِي الْخَالِ عَلَى الْخَالِ ، نَجِلُكَ أَنْ نَذْكُرَ فِيهَا . قَالَ : " مَا هُوَ بِاَمْوَالِيَّةِ ؟ " . قَالَ : الْبَوْلُ وَالْعَائِطُ . قَالَ : " اذْكُرْنِي عَلَى كُلِّ خَالٍ " .

Hukum hadith:*Daif*

Penelitian ke atas hadith ini mendapati bahawa hadith kudsi ini ditarjih *rijal* yang *thiqat*, melainkan Abd Allah bin Khabiq al-Antaki yang dikatakan sebagai *majhul al-hal* (*Ahadith Abi Husayn al-Kilabi* 24). Kesimpulannya adalah *daif* kerana seorang perawi iaitu Abd Allah bin Khabiq al-Antaki disifatkan sebagai lemah.

HADITH KESEBELAS:

يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : مَنْ شَعَّلَةً ذَكْرِي عَنْ مَسْأَلَتِي ، أَعْطَيْتُهُ أَفْضَلَ مَا أَعْطَى السَّائِلِينَ

Takhrij hadith:

Hadith Qudsi ini diriwayatkan oleh Ibn Asakir daripada Abd Mun'im bin Abad, daripada Said bin Muhammad, daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Abd Allah bin Muhammad, daripada Yahya bin Abd al-Hamid, daripada Safwan bin Abi al-sahba', daripada Bukayr bin Atiq, daripada Salim ibn Abd Allah, daripada Abd Allah bin Umar berkata: Nabi SAW bersabda, Allah SWT berfirman: kemudian disebut hadithnya (Ibn Asakir, *Tarikh Dimashq*, 3782).

Hukum hadith:*Daif*

Majoriti ulamak mengatakan hadith ini *daif*. Ini kerana kebanyakan mereka mengatakan bahawa Yahya bin Abd Hamid al-Hamani salah seorang perawi *tabaqat* ke -9 adalah *daif al-Hadith* (*Tahdhib al-Kamal*, 6868).

HADITH KEDUABELAS:

أَلَا أَنْتُمْ بَخْيَرُ أَعْمَالِكُمْ ، وَأَرْكَاهَا عِنْدَ مَلِيکِكُمْ ، وَأَرْغَفُهَا فِي دَرَجَاتِكُمْ ، وَخَيْرٌ مِنْ إِعْطَاءِ الذَّمِّ وَالْوَرِقِ ، وَأَنْ تَلْقُوا عَلَوْكُمْ ، فَتَصْرِيبُوا أَعْنَاقَهُمْ ، وَيَصْرِيبُوا أَعْنَاقَكُمْ ؟ " ، قَالُوا : وَمَا ذَاكَ يَا رَسُولَ اللهِ ؟ قَالَ : " ذَكْرُ اللهِ " .

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada Yaqub bin Humayd bin Kasib, daripada al-Mughirah bin Abd al-Rahman, daripada Abd Allah bin Said bin Abi Hind, daripada Ziyad bin Abi Ziyad Mawla Ibn Ayyash daripada Abi Bahriyyah, daripada Abi al-Darda', sesungguhnya Nabi SAW bersabda: kemudian disebutkan hadith nya (*Sunan Ibn Majah* 3788).

Hukum hadith: *Sahih*.

Kajian mendapati bahawa majoriti ulamak menyatakan hadith ini sahih, seperti: Ahmad bin Hanbal (*Musnad* 21161/21194), al-Tabarani (*al-Dufa'* 1762/ 1872), al-Tirmidhi (*Jami'* 3324/3377), al-Baihaqi (*Sha'bu al-Iman* 498) dan (*al-Da'awat al-Kabir* 20/19), al-Hakim (*al-Mustadrak* 1:496/1758). Mereka mengatakan hadith ini sanadnya Muttasil, dan semua *rijal* nya *thiqat*. Sementara itu yang mengatakan hadith ini hasan ialah Ibn Majah (*Sunan* 3788/3790), al-Baghawi (*Sharh Sunnah* 1244/1231) dan (*Ma'alim al-Tanzil* 908/904), al-Qushayri (*Risalah al-Qushayriyah* 50/1;121), dan Abu Nu'aim (*Hilyah al-Awliya'* 1401/1402). Kesimpulannya hadith ini *sahih*.

HADITH KETIGA BELAS:

ذَكْرُ اللهِ شَفَاءُ الْقُلُوبِ

Takhrij hadith:

Hadith ini terdapat dalam *al-Jami'* al-Saghir karya al-Sayuti dengan tanpa sanad (ms 447/ 3047). Seterusnya al-Sayuti berkata hadith tersebut terdapat dalam *Musnad* al-Firdaus karya al-Daylami daripada Anas bin Malik, tetapi penulis tidak menjumpai dalam kitab *musnad* tersebut. Juga terdapat dalam *al-Nawafih al-'utrah* karya Jar Allah al-Sa'di daripada Muadh bin Jabal (*al-Nawafih*,149).

Hukum hadith:

Al-Albani berkata hadith ini *daif* (*Daif al-Jami'*, hlm 447, no 3047). Al-Bayhaqiy berkata hadith ini *daif* kerana mursalnya, dan diriwayatkan oleh Umar bin Khattab dari perkataannya (*Sha'bu al-Iman* no 687). Hadith ini

sanadnya *daif*, kerana di dalamnya ada *mawdi irsal* (islamweb). Kesimpulannya hadith ini *daif* kerana *mursalnya*.

HADITH KEEMPAT BELAS:

الذِّكْرُ نعْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ ، فَأَدُوْا شُكْرُهَا

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylami dalam al-Firdaws daripada Nubayt bin Sharit dengan tanpa sanad, sebagaimana ada dalam Kanz al-Amal jld 1, hlm 414, no 1749 yang menyebut riwayat seperti di atas.

Hukum hadith:

Mawdu'. Ini kerana Ahmad bin Ishaq bin Ibrahim al-Ashja'i al-Kufi yang dikenali sebagai Abu Ja'far, perawi tabqat ke-12 adalah kadhdhab (pendusta). Ibn Hajar al-Asqalani dan Adhahabi berkata kadhdhab, bahkan Muhammad bin Ali al-Shawkani berkata dia ada naskah *mawdu'* daripada bapanya daripada datuknya (Islamweb hadith, perawi No 9742). Jadi hukum hadith adalah *mawdu'*.

HADITH KELIMA BELAS:

الذَّكْرُ خَيْرٌ مِّن الصَّدَقَةِ

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylami (2/160), daripada Abu al-Shaykh daripada Zakariyya bin Yahya al-Misri, berkata kepada kami Khalid bin Abd al-Da'im daripada Nafi' bin Yazid daripada Zuhrah bin Ma'bad daripada Sa'id bin al-Musayyab, daripada Abu Hurayrah, *marfu'* (*al-Silsilah al-da'ifah* 3628).

Hukum hadith:

Mawdu'. Puncanya ialah Khalid bin Abd al-Da'im atau Zakariyya bin Yahya. Khalid bin Abd Da'im adalah perawi yang dikenali pembawa hadith-hadith *mawdu'*. Antara ulama yang mengatakan demikian ialah: Ibn Hibban, al-Hakim, Abu Nu'aim dan Abu Sa'id bin Amr al-Naqqash. Sedangkan al-Dhahabi mengatakan *daif*. Hanya seorang ulama sahaja yang mengatakan *thiqah* iaitu Abu Ahmad bin Adi al-Jurjani (Islam web, perawi no 16226). Demikian juga Zakariyya bin Yahya al-Misri, ialah pembawa hadith-hadith *mawdu'*. Semua ulama yang memberi komen menyatakan *Jarh* kepadanya. Ibn Hibban berkata melakukan kesalahan dan menyeleweng hadithnya. Al-Daraqutni juga berkata *munkar al-hadith*. Menurut al-Dhahabi berdusta. Salih bin Muhammad Jazrah pula berkata pendusta yang besar (Islamweb, perawi no 17258). Kesimpulannya hadith ini *mawdu'*.

HADITH KEENAM BELAS:

سَبَقَ الْمُفَرِّدُونَ قَالُوا وَمَا الْمُفَرِّدُونَ يَأْرِسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ الْمُسْتَهْرِيُّ بِذِكْرِ اللَّهِ يَضْعُ الدِّكْرُ عَنْهُمْ أَتْعَاهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Takhrij hadith:

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim daripada Umayyah bin Bastam al-Ayshi, daripada Yazid (yakni Abu Zuray'), daripada Rauh bin al-Qasim, daripada al-Alla', daripada bapanya, daripada Abu Hurayrah (Sahih Muslim 4/ no 2676).

Hukum hadith:*Sahih*.

Ulama yang mengatakan *sahih* ialah Muslim (4/2676), Ahmad bin Hanbal (*Musnad* 8089/ 8091), al-Hakim (*al-Mustadrak* 1756/ 1: 495), al-Tirmidhi (*Jami'* 3550/3596), al-Bayhaqi (*Sha'b al-Iman* 486).

HADITH KETUJUH BELAS:

تَفَكَّرُوا فِي الْمُخْلُوقِ وَلَا تَفَكَّرُوا فِي ذَاتِ اللَّهِ فَإِنَّهُ لَا يُبَيِّنُ بِهِ الْفَكْرُ.

Takhrij hadith:

Jika dikehendaki dengan lafaz di atas, maka tiada dalam kitab hadith, hanya terdapat dalam tafsir Ibn Kathir (7/441). Tetapi jika dikehendaki dengan lafaz:

لَا تَفَكَّرُوا فِي اللَّهِ فَإِنَّ النَّفَرَ فِي خَلْقِهِ شَاغِلٌ فَإِنَّهُ لَا تَدْرِكُهُ فِكْرَةٌ مِنْ فَكْرِهِ إِلَّا بِتَصْدِيقِهِ.

Maka hadith tersebut diriwayatkan oleh al-Rabi' bin Habib (Musnad al-Rabi' / 749) daripada Juwaybir daripada al-Dahhak, sesungguhnya Ibn Abbas RA berkata: telah bersabda Rasulullah SAW, kemudian menyebutkan hadithnya. Juga diriwayatkan oleh Abu Shaykh (*al-Azma*, bab *al-Amr bi al-Tafakkur fi ayat Allah* /2) daripada Muhammed bin Yahya al-Marwazi, berkata kepada kami Aṣim bin Ali, berkata kepada kami bapaku daripada Ata' bin al-Sa'ib daripada Sa'id bin Jubayr daripada Ibn Abbas.

Hukum hadith;*Hasan li dhatih*.

Ini kerana sanadnya *muttasil*, dan perawi-perawi yang hasan hadith nya. Sebagai contoh pada sanad kedua, bahawa Yahya (30978) adalah perawi *tabaqat* ke-11 yang menurut Khatib al-Baghdadi *thiqah*, menurut Ibn Hajar *Saduq*. Asim bin Ali (4071) dan bapanya pula menurut Ibn Hajar dan Ahmad *Saduq*, sedangkan menurut al-Dhahabi *tsiqah*. Manakala Ata' bin al-Sa'ib (5629) pula perawi *tabaqat* ke-5 yang *hasan al-hadith*. Sedangkan Said bin Jubayr (3307) adalah perawi *tabaqat* ke-3 yang menurut Ibn Hajar *thiqah thabit faqih*, dan Ibn Abbas adalah perawi Sahabi. Disebabkan sanadnya *muttasil* dan ditaris perawi yang *hasan al-hadith* maka hukum hadith nya adalah hasan.

5. Analisis Status Hadith

Artikel ini mengkaji tentang status hadith siri pertama bab zikir risalah tarekat *Naqshabandiyah* karya Sheikh Yahya *al-Khalidi*. Setelah diteliti, penulis mendapati bahawa daripada 17 hadith terdapat tiga buah hadith yang berstatus *sahih* atau 17.64 %, tiga hadith *hasan li dhatih* (17.64%), dan satu hadith *hasan li ghayrih* (17.64%). Manakala hadith *daif* pula ada tujuh (41.17%), dua hadith *mawdu'* (11.76 %), dan satu hadith yang tidak dikesan sumber asalnya (5.88%). Penulis juga mendapati 14 hadith diterima sebagai keutamaan beramal dalam zikir kepada Allah SWT (82.35%), dan tiga hadith ditolak (17.64%).

Tidak dinafikan bahawa jika hadith itu sahih, maka boleh beramal dengannya. Hadith hasan juga boleh beramal dengannya seperti mana hadith *sahih* tanpa membezakan antara satu dengan lainnya menurut pendapat yang dipegang oleh al-Hakim, Ibn Hibban dan Ibn Khuzaymah (al-Sayuti, 1961. hlm 161). Manakala hadith *daif* pula, walaupun banyak perbezaan pendapat mengenainya, penulis memilih pendapat Ibn Hajar al-Asqalani yang mengatakan bahawa hadith *daif* boleh diamalkan dalam masalah kelebihan beramal, memberi peringatan dan seumpamanya tetapi dengan syarat: *Pertama*, hadith *daif* tersebut tidak keterlaluan *daif*nya. *Kedua*, hadith *daif* itu berjalan di atas satu Syarat yang umum. *Ketiga*, ketika mengamalkannya tidak mengiktikadkan bahawa ia berstatus kuat tetapi sekadar berhati-hati (al-Khatib Ajaj 1971hlm 351). Adapun hadith *mawdu'* tidak boleh beramal dengannya sama sekali, kerana hadith *mawdu'* adalah hadith yang ditolak. Kedudukan hadith *mawdu'* ini merupakan seburuk-buruk hadith, bahkan ada sebahagian ulama mendakwa bahawa hadith *mawdu'* bukanlah hadith. Kaum Muslimin telah sepakat bahawa memalsukan hadith hukumnya adalah haram secara mutlak (Mahmūd al-Tahhan 1996 hlm 63).

Ulama hadith telah sepakat bahawa hadith *sahih* dan *hasan* adalah hadith yang diterima sama ada sebagai hujah dalam masalah hukum ahkam ataupun sebagai motivasi dalam beramal ibadah. Adapun mengenai hadith *daif* para ulama berbalah sama ada boleh diterima ataupun ditolak. Namun dalam hal ini penulis memilih pendapat Ibn Hajar yang mengatakan bahawa hadith *daif* boleh beramal dengannya dalam masalah menggalakkan untuk beramal, menyatakan kelebihan beramal dan seumpamanya. Manakala hadith *mawdu'* dan hadith *batil* ulama hadith menolak secara mutlak, baik untuk hujah maupun untuk kelebihan beramal.

Kitab risalah yang sedang dikaji hadith nya ini ialah risalah yang menyatakan bab zikir kepada Allah dan beramal ibadah kepadaNya dengan menggunakan kaedah tarekat sebagai jalannya. Cara sebegini dikategorikan ke dalam kelebihan beramal, justeru itulah hadith-hadith *daif* boleh diguna pakai dalam risalah ini. Dengan demikian, hadith-hadith yang diterima dalam beramal ibadah ialah hadith *sahih*, *hasan*, dan *daif*. Jadi jumlah hadith yang diterima secara keseluruhannya yang terdiri dari hadith *sahih*, *hasan*, *hasan li ghayrih*,

dan *daif* adalah sebanyak 14 hadith atau menepati 82.35% dari keseluruhan hadith yang dikaji. Tiga hadith ditolak (17.64%) yang terdiri dari dua hadith *mawdu'* dan satu hadith yang tidak dikesan sumber asalnya.

6. Kesimpulan

Kajian ke atas hadith-hadith yang sebanyak 17 hadith tentang zikir yang terdapat dalam siri pertama risalah mendapati bahawa tiga hadith berstatus *sahih* (17.64 %), tiga hadith *hasan li dhatih* (17.64 %), satu hadith *hasan li ghayrih* (5.88 %), tujuh hadith *daif* (41.17 %), dua hadith *mawdu'* (10.526 %) dan satu hadith tidak dapat dikesan sumber asalnya (5.88 %). Secara keseluruhannya sebanyak 14 hadith (82.35 %) adalah diterima untuk beramal ibadah. Hadith yang diterima itu terdiri dari tiga hadith *sahih*, tiga hadith *hasan li dhatih*, satu hadith *hasan li ghayrih* dan tujuh hadith *daif*. Manakala tiga hadith (17.64%) ditolak, yang terdiri dari dua hadith *mawdu'* dan satu hadith yang tidak dikesan sumber asalnya.

RUJUKAN

- Ahmad bin ‘Abd Allāh al-Asbahānī Abū Nu‘aym (1423 H). *Hulyah al-Awliyā’*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad bin Abū Bakr al-Buṣayrī. (1420). *Ittiḥāf al-Khayrah al-Mahrah*. Riyāḍ: Dār al-Waṭan.
- al-Albānī. *Silsilah al-da‘īfah*. Riyāḍh: Dār al-Ma‘ārif al-Albānī, (1408 H). *Da‘īf al-Jāmi‘*. Bayrūt: al-Maktabah al-Islāmī. Cet ke-2.
- al-Albānī. (1421 H). *Saḥīḥ al-Targhib wa al-Tarhib*. Maktabah al-Ma‘ārif.
- al-Albānī. *Saḥīḥ al-Targhib wa al-Tarhib*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif.
- ‘Alī bin Abū Bakr al-Haythamī. (1408 H). *Majma‘ al-Zawā‘id*. Mu’assasah al-‘Ārifah.
- Abū Nu‘aym al-Asbahānī (1983). *Ma‘rifah al-Sahābah*. Dār al-Waṭan..
- Ahmad bin Hanbal (1999). *Al-Zuhd*. Baiyūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad bin Hanbal (1999). *Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal*. Mu’assasah al-Risālah.
- ‘Abd Allāh bin Hamīd (2002). *Al-Muntakhab Musnad ‘Abd Allāh bin Hamīd*. Riyāḍ: Dār al-Balnasiyyah.
- Abū Shaybah (2006). *Muṣannif Ibni Abī Shaybah*. Baiyūt: Dār al-Qiblah li al-Tibā‘ah wa al-Nashr.
- al-‘Aqīlī, al-Du‘fā’ al-Kabīr. Baiyūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abū al-Husayn al-Kilābī. (2006). *Al-Aḥādīth Abī al-Husayn*. Dār al-Athriyyah.
- Abū al-Qāsim al-Qushayrī (1989). *Risālah al-Qushayriyyah*. Al-Qāhirah: Dār al- Sha‘bī.
- Abū Shaykh al-Iṣbahānī (1408). *Al-‘Azmah*. Al-Riyāḍ: Dār al-‘Aṣimah.
- Abū Yūsuf (1979). *Al-Kharrāj*. Baiyūt: Dār al-Ma‘rifah.
- al-Baghawī (1983). *Sharkh al-Sunnah*. Maktabah al-Islāmī.
- al-Baghawī (1989). *Ma‘ālim al-Tanzīl*. Dār al-Tayyibah.
- al-Baiyhaqī (2009). *Al-Da‘awāt al-Kabīr*. Maktabah Gharrās li al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Da‘yah wa al-Iflān.
- al-Baiyhaqī (1410). *Sha‘b al-Imān*. Baiyūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bukhārī (1400 H). *Al-Jāmi‘ al-Saḥīḥ*.al- Qāhirah: Maktabah al-Salafiyah. Cet I.
- al-Daylamī. (2009). *Musnad al-Firdaws*. Baiyūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Hākim (1990). *Al-Mustadrak ‘lā al-Saḥīḥayn*. Baiyūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Abī Zamnān. *Riyāḍ al-Jannah bi takhrīj uṣūl al-Sunnah*. Al-Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-‘Urabā’ al-Athriyyah.
- Ismā‘il bin Muhammad al-‘Ajlūnī. (1351 H). *Kashf al-Khafā’*. Al-Qāhirah: Maktabah al- Qudsī.
- Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2012). *Al-İṣābah fī Tamyīz al-Sahābah*. Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah
- Ibn al-Sunnī (1998). *‘Amal al-Yawm wa al-Laylah*. Dār al-Arqām
- Ibn al-Mubārak (1995). *Al-Zuhd wa al- Raqāiq*. Dār al-Mi‘raj al- Dawliyyah li al-Nashr.
- Ibn ‘Asākir . *Tārikh Dimashq*. Baiyūt: Dār al-Fikr.

- Ibn Mājah. *Sunan Ibn Mājah*. Baiyrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḩabd al-Barr. *Al-Iṣtidhkār*. Baiyrūt: Dār al-Qutaybah li al- Tibā’ah wa al-Nashr.
- Ibn Shāhīn (2004 M). *al-Targhib fī Faḍā’ il al-A’māl*. Baiyrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf al-Mizzī. (1983)*Tahdhīb al-Kamāl*. Mu’assasah al- Risālah.
- al-Kalābadhī. (1427 H). *Bahr al-Fawā’id*. Baiyrūt: Dār al- Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muhammad bin Ḩabd Allāh bin al-Husayn abū al- Husayn al-Baghdādī. (2005). *Fawā’id Ibn Akhī Mīmān al-Daqqāq*. Dār Aḍwā’ al-Salaf.
- Muhammad Al-Khatib Ḩajjāj. 1971. *Usul Al-Hadīth Ḳulūmuḥ Wa Muṣṭalaḥuh*. Dār Al-Fikr.
- Muslim bin Hajjāj, *Sahīh Muslim*. Baiyrūt: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Muhammad bin Hibbān al- Bustī. (1414 H). *Sahīh Ibn Hibbān*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- al-Rabī’ bin Habīb al-Ibāḍī.(2003). *Musnad al-Imām al-Rabī’*. Maktabah Musqīt.
- al-Sakhāwī. (1985). *Maqāṣid al-Hasanah*. Baiyrūt: Dār al- Kitāb al-‘Arabī.
- al- Sayūṭī (2007 M). *al-Jāmi’ al- Saghrī*. Yaman: Maktabah al-Aḥqāf.
- al-Suyūṭī.1961.*Tadrīb al-rāwī*. Muhammad Jamal al-Dīn al-Qāsimī.1997. *Qawā’id al-taḥdīth min funūn muṣṭalaḥ al-hadīth*. Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Taḥḥān, Mahmūd (Dr.). 1996. *Taysīr muṣṭalaḥ al-Hadīth*. Maktabah al-Ma’rif līl nashr wa al-tawzī’. Al-riyād.
- al-Tabarānī (1983). *Al-Mujam al-Kabīr*. Maktabah al-‘Ulūm wa al- ḥikmah.
- al-Tirmidhī, *al-Jāmī’ al-Sahīh*. Dār al-‘Ilmiyyah
- Yahya, Sheikh. 1985. *Risalah Tarekat Naqshabandiyah Jalan Makrifat*. Kajang: Pantadbiran Tarekat Naqshabandiyah.
- Yahya, Sheikh. 1971. *Al-ṭarīqah al-Ilāhiyyah*. Kuala Pilah NS: Malay Press.
- Yahya, Sheikh. 1994. *Surat Ijazah khalifah Tarekat Naqshabandiyah*. Kajang: Pentadbiran Tarekat Naqshabandiyah.
- Zakiy al-Dīn Ḩabd al-‘Azīm al-Mundhirī. (1421 H). *al-Targhib wa al- Tarhīb.al-Qāhirah*. Dār al-Fajr li al-Turāth. Cet pertama.